



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 FEBRUARI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM16m SARDINE PROCESSING PLANT TO BE BUILT IN TOK BALI, NEWS, NST -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MEDIUM -SIZED FRUIT TREES ALLOWED IN IPOH'S COMMUNITY GARDENS, NEWS, THE STAR -2	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	EMPAT PASAR RAYA BESAR DAPAT KEBENARAN IMPORT AYAM, MUKA DEPAN, BH -1	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	GUNA AP KHAS MAMPU TURUNKAN HARGA BARANG, NASIONAL, BH -8	
5.	EMPAT PASAR RAYA TERPILH, LOKAL, HM -13	
6.	PANCING IKAN DAPAT KUCING, LOKAL, HM -7	
7.	KEGIATAN PUKAT SORONG, BUBU NAGA JEJASKAN PENDAPATAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	FAMA PAHANG GALAK BELIA SERTA PROGRAM AGROPRENEUR MUDA, NEGERI PAHANG, SH -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	AGROBANK FETES JOURNALISTS, BUSINESS, NST -17	AGROBANK
10.	TANAH TERBIAR DITANAM KELAPA PANDAN, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN
11.	FARM TO HOME BANTU PENDUDUK DAPATKAN SAYURAN, BUAH ORGANIK, KOMUNITI KITA, UM -42	
12.	MURID TANAM, JUAL SAYUR ISI TABUNG KELAS, NEGERI, UM -33	
13.	MEDAC SEDIA BANTU PERLUAS TANAMAN JAGUNG, NASIONAL, SH -18	
14.	TELUR BUKAN LAGI LAUK RAKYAT MARHAEN, SUARA, SH -16	
15.	PETANI ROSEL KEMBALI BERTATIH SELEPAS COVID-19, BAH, DALAM NEGERI, UM -29	
16.	TANAH SAWAH JADI KOLAM IKAN, DALAM NEGERI, UM -30	
17.	PENIAGA CAMERON HIGHLANDS BIMBANG SEKATAN PERJALANAN, DALAM NEGERI, UM -30	
18.	FARMERS CRY FOUL, MUKA DEPAN, THE STAR -1	
19.	'WE'RE BARELY SCRATCHING OUT A LIVING, BUSINESS, NST -14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2022	NST	NEWS	8

RM16m sardine processing plant to be built in Tok Bali

PASIR PUTEH: A sardine processing plant will be built in Tok Bali with a RM16 million allocation and the move will help boost development in the area, said Deputy Minister of Agriculture and Food Industries II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh. He said the allocation would also be used to purchase fishing vessels, adding that previously some of the sardines would be stored at Tok Bali port before being exported to Thailand to be processed. "So with a sardine factory of our own, this will help improve the socio-economy of fishermen here. The factory will be built near an ice manufacturing plant which is expected to operate soon," he told reporters after a visit to the MyKomuniti Perikanan base in Kampung Pachakan near Semerak. **Bernama**

Medium-sized fruit trees allowed in Ipoh's community gardens

By ILI AQILAH
iliaqilah@thestar.com.my

MEDIUM-SIZED fruit trees can be planted in community gardens but those exceeding 2m in height are off limits, says Datuk Rumaizi Baharin.

The Ipoh mayor stressed that the ban only applied to big trees that would grow higher than 2m.

"Durian trees are considered big trees and are not allowed in community gardens," he said when contacted by *StarMetro*.

"Trees such as jackfruit are considered mid-sized and these are permitted."

Rumaizi was quoted in recent news reports saying that fruit trees were banned while cash crops

could be grown in community gardens.

The mayor had earlier presented potted plants and fruit tree saplings to victims of the recent freak storm in Taman Tasek Damai, at a corporate social responsibility programme held by the State Agriculture and Development Corporation (SADC).

Rumaizi said the plants, courtesy of SADC, would enable residents to start a community garden.

He said the harvest from the plants would benefit residents.

"The city council has given residents here the permission to set up a community garden.

"We believe that the plants given by SADC will help those affected by the freak storm," he said.



PERAK

Norsiyenti (in blue) handing over plants to a Taman Tasek Damai resident at the CSR programme. Also present are SADC chief executive officer Yahanis Yahya (left) and Rumaizi (second from right).

A total of 219 houses in four residential areas, namely Taman Tasek Damai, Kampung Tawas, Taman Desa Seri Chepor and Kampung Seri Klebang Tambahan, were affected by a landspout on Jan 30.

At the CSR programme, Perak

Agricultural Department director Norsiyenti Othman said the plants were chosen based on the type of land and soil structure in the area.

"Based on our research, we believe that trees like coconut, banana, papaya and jackfruit can grow well here," she added.

Empat pasar raya besar dapat kebenaran import ayam

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Empat pasar raya besar di negara ini sudah diberi kebenaran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk mengimport ayam bulat sejuk beku dari beberapa negara dan menjualnya secara terus kepada pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk

Seri Ahmad Hamzah, berkata pasar raya terbabit ialah Mydin, NSK, Lulu dan Lotus yang diberi permit import (AP) untuk membawa masuk ayam bulat sejuk beku bagi menampung permintaan pengguna di negara ini, sekali gus dapat menstabilkan harga ketika ini.

Beliau berkata, pemberian AP khas bermula 8 Februari lalu itu juga membolehkan bekalan ayam diperolehi terus daripada

pemborong tanpa memerlukan peranan orang tengah, termasuk ejen bekalan.

“Kerajaan mengambil tindakan tepat dengan memberikan kelulusan kepada empat pasar raya untuk mengimport ayam bulat. Maknanya, pasar raya berkenaan boleh dapatkan (mengimport) dan menjualnya secara terus.

15/2/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Guna AP khas mampu turunkan harga barang

Dari muka 1

“Bagi saya, menerusi kaedah itu dapat menurunkan harga kerana mereka tidak perlu (caj) melalui orang tengah atau ejen, sebaliknya jual dengan harga rendah terus kepada pengguna,” katanya selepas menyampaikan bantuan tunai kepada 98 mangsa banjir dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai, di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini membenarkan beberapa syarikat yang dilantik MAFI untuk mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ayam sebulan sehingga bulan ini, bagi menangani isu kekurangan bekalan.

Setakat ini, negara pengim-

port ayam bulat yang dikenal pasti adalah Thailand, China dan Brazil.

Bagaimanapun, pengimportan akan dihentikan sebaik sahaja bekalan ayam di negara ini stabil semula namun usaha itu tergendala selepas berlaku beberapa masalah teknikal.

Susulan itu, harga ayam bulat di negara ini naik mendadak, selepas beberapa pemborong mendakwa harga makanan ternakan itu meningkat beberapa kali ganda daripada sebelumnya.

Pada 31 Januari lalu pula, kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90 sekilogram, iaitu pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

la diputuskan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NAC-COL) Mengenai Pengeluaran Makanan yang mesyuarat khasnya yang dipengeruskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Mesyuarat berkenaan turut membincangkan isu bekalan dan pengeluaran makanan terutama ayam dan telur ayam dan memfokuskan kepada penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan tekanan kenaikan harga.

Sementara itu, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin, berkata MAFI kini di peringkat akhir mengumpul maklumat mengenai kerosakan yang dialami golongan petani, penternak dan nelayan akibat bencana banjir

besar Disember lalu. Katanya, maklumat berkenaan bagi membolehkan Kementerian menyalurkan bantuan kepada golongan itu menerusi Dana Bangkit Semula Keluarga Agro.

“Menerusi peruntukan RM100 juta itu, MAFI akan mula gajikan bantuan terbabit dalam masa terdekat, selepas semua maklumat kerosakan itu sudah lengkap.

“Bantuan itu akan diagihkan menerusi jabatan berkaitan seperti Jabatan Perikanan, JPV serta Jabatan Pertanian, sekali gus diharapkan dapat meringankan beban golongan ‘wira agro’ itu selain membolehkan mereka membangunkan kembali sektor pertanian yang terjejas akibat banjir,” katanya.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Rompin

“**D**alam tempoh dua tahun, saya sudah menemui lapan kucing jalanan tersangkut mata kail pada lidahnya selepas makan keratan ikan umpan ditinggalkan kaki pancing,” kata Ros Haliza Roslan, 40.

Ros Haliza yang menetap di Kampung Pantai Bernas di sini, berkata keadaan itu berlaku disebabkan sikap cuai pemancing meninggalkan umpan di jeti Kampung Pantai Bernas, di sini.

Menurutnya, haiwan itu terpaksa menanggung kesakitan apabila mata kail bersaiz sederhana tersangkut pada lidah mereka.

Katanya, usaha untuk mengeluarkan mata kail berkenaan pula terpaksa dilakukan dengan mengeluarkan sedikit bayaran.

“Kebiasaannya saya akan membawa kucing yang cedera bertemu doktor di Pejabat Veterinar Daerah Rompin bagi mencabut mata kail yang tersangkut pada lidah dengan bayaran antara RM10 hingga RM20.

Pancing ikan dapat kucing

Wanita sedih si bulus tersangkut mata kail di lidah akibat makan ikan umpan



sama berulang sekiranya tiada kesedaran di kalangan kaki pancing.

“Perbuatan tidak bertanggungjawab pemancing yang meninggalkan keratan ikan umpan memancing bersama mata kail mengundangi kepada kejadian terdang kepada kejadian terbahit,” katanya.

Katanya, jeti Kampung Pantai Bernas menjadi tumpuan pemancing pada hujung minggu kerana perairan di situ terdapat pel-

bagai jenis ikan.

“Saya merayu kepada pemancing supaya tidak membuang keratan umpan ikan yang masih terdapat mata kail kerana akan mengundang bahaya kepada kucing yang memakannya.

“Pada masa sama, saya tidak sanggup melihat haiwan manja itu menanggung kesakitan hingga menyebabkan tidak boleh makan, dan rawatan segera perlu diberikan,” katanya.

KUCING jalanan yang tercekik mata pancing selepas termakan umpan terpakai dibuang pemancing di jeti Kampung Pantai Bernas, Rompin.

“Saya menangis setiap kali melihat kucing yang mengalami kecederaan termasuk terkena mata kail, tetapi usaha merawat akan

dilakukan walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri,” katanya.

Ros Haliza yang memiliki 10 kucing berkata, lima ku-

cing terkena mata kail dan dalam tempoh dua bulan tahun ini tiga kes sudah dikesan.

“Tidak mustahil kejadian

Kegiatan puklat sorong, bubu naga jejaskan pendapatan nelayan

YAN: Lebih 80 nelayan pantai di pangkalan Singkir Laut di sini mendakwa pendapatan mereka terjejas apabila kegiatan puklat sorong dan bubu naga yang didakwa semakin berleluasa di sekitar perairan ini sejak setahun lalu.

Nelayan yang menggunakan puklat sorong dan bubu naga yang telah lama diharamkan itu dipercayai membabitkan penduduk tempatan.

Mereka didakwa aktif menjalankan operasi menangkap hasil laut itu pada awal malam hingga ke pagi.

Nelayan, Mohd. Azli Osman, 52, berkata, kegiatan puklat sorong itu juga didapati merosakkan ekosistem dan sumber perikanan di perairan tersebut.

“Boleh dikatakan sebahagian besar nelayan pantai me-

ngalami kerugian kerana puklat mereka rosak atau hilang akibat penggunaan puklat haram itu dan keadaan tersebut menyebabkan nelayan pantai mengalami kekurangan hasil tangkapan.

“Walaupun aduan mengenai kegiatan tersebut dibuat sering dilaporkan kepada pihak berkuasa, namun, kegiatan haram itu masih berleluasa,” katanya ketika ditemui di Singkir Laut di sini semalam.

Nelayan, Sadam Rusli, 30, berkata, dia sebelum ini memperoleh pendapatan kira-kira RM150 setiap kali melakukan kerja-kerja memukat ketam, udang dan ikan senangin.

“Bagaimanapun, sejak aktiviti puklat sorong dan naga bubu dikesan di perairan ini, kami ada kalanya pulang dengan tangan kosong,” ujarnya.



SADAM Rusli (kiri) menunjukkan hasil tangkapan laut yang kurang di pangkalan Singkir Laut, Sungai Petani semalam. - UTUSAN/OTHTMAN YAHAYA

15/2/2022

SINAR
HARIANNEGERI
PAHANG

22

Fama Pahang galak belia sertai Program Agropreneur Muda

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang menyediakan pelbagai kemudahan bagi menarik lebih ramai golongan belia di negeri itu terlibat dengan projek agropreneur muda dalam bidang pertanian, makanan dan produk sejuk beku.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, golongan itu akan dibimbing bermula peringkat cadangan projek sehingga aspek pemasaran.

Menurutnya, setakat ini seramai 18 individu berdaftar dengan Fama di bawah Program Agropreneur Muda dalam tempoh dua tahun.

"Kebanyakan peserta terlibat dalam projek pengeluaran makanan seperti biskut, keropok lekor, daging perap, kerepek, kek dan sambal.

"Ada juga dalam kalangan mereka terlibat dalam sektor pertanian dengan mengusahakan tanaman melon, terung, timun, petola dan bendi secara fertigasi," katanya di sini pada Isnin.



Saiful (dua dari kanan) mengiringi Pengemusi Fama, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakhri (tiga dari kanan) melawat projek kebun fertigasi Panching Selatan, Kuantan minggu lalu.

Saiful berkata, peserta yang berdaftar sebagai usahawan agropreneur muda berpeluang menerima bantuan geran antara RM18,000 hingga RM20,000, selain bantuan dalam bentuk barangan alatan yang disediakan kerajaan.

"Tahun lalu seramai 14 usahawan agropreneur muda didaftarkan di negeri ini. Setiap tahun pihak memulakan projek," jelas Saiful.

AWARDS

Agrobank fetes journalists

KUALA LUMPUR: About 40 people representing 15 media organisations were feted at the "Agrobank Media Appreciation Night 2021" last week.

Four journalists and media organisations also bagged Agrobank awards.

They were Hazwan Faisal Mohamad and Mahanum Abdul Aziz from *Berita Harian*, Sri Ayu Kartika Amri from *Harian Metro* and Norshahzura Mat Zuki from *Sinar Harian*.

Berita Harian, the *New Straits Times*, Bernama, BernamaTV, Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3), *The Edge*, *The Star*, *Utusan Malaysia*, *Kosmo*, Astro, Astro Awani and the Vibes were honoured with appreciation certificates and souvenirs for their support towards Agrobank.

President and chief executive officer Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said in a statement Agrobank had introduced two categories of awards for media practitioners and organisations.

He said media coverage about Agrobank was one of the reasons behind the bank's success last year.

The selection of the winners was based on the Annual Media Coverage Report 2021 conducted by a certified media analysis agency at the end of last year.

Tengku Ahmad said support from the media was meaningful because of its role in educating the public and delivering information about Agrobank.

"This has indirectly increased the strength and visibility of the Agrobank brand," he added.



NOH (dua dari kiri) menanam pokok kelapa pandan sebagai tanda kenangan lawatan di KOOP AMJ di Benut, Pontian semalam.

Tanah terbiar ditanam kelapa pandan

PONTIAN - Koperasi Anak Merdeka Johor Berhad (KOOP AMJ) berjaya menanam sebanyak 1,650 kelapa pandan menerusi program Lestari Agro Semak kepada Kebun (Lasak).

Pengerusinya, Mejar (B) Mohd. Hanafi Mohd. Yunus berkata, Lasak adalah inisiatif program Pembangunan Ekonomi setempat (PES) menerusi kaedah membangunkan tanah milik kerajaan, swasta atau individu yang tidak diusahakan.

Katanya, sejak penubuhan KOOP AMJ pada 2020, sebanyak 11 program Lasak berjaya dilaksanakan di empat buah daerah

Pontian, Johor Bahru, Kluang dan Kota Tinggi dengan tanaman kelapa pandan.

Menurut beliau, pihaknya menasarkankan sebanyak 4,500 pokok kelapa pandan dapat ditanam dalam tempoh dua tahun bagi membolehkan KOOP AMJ mempunyai sumber pendapa- tannya sendiri.

"Ia juga dapat memberikan pulangan kepada pemilik tanah terlibat yang sebelum ini tidak terurus dan bersemaak sehingga menimbulkan pelbagai masalah seperti gangguan binatang liar dan sebagainya.

"Selain itu, tanaman kelapa

pandan ini boleh dijadikan landskap seperti mana yang dilakukan di Sekolah Kebangsaan Sri Benut dan di Komplek Penghulu Mukim Benut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis lawatan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar di KOOP AMJ di Rumah Citra Sri Pinang, Benut di sini se- malam.

Sempena lawatan itu, KOOP AMJ menerima peruntukan se- banyak RM40,000 melalui Ban- tuan Transformasi Ekonomi Gera- kan Koperasi bagi pembelian peralatan dan input pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	42



***FARM To Home* bantu penduduk dapatkan sayuran, buah organik**

Program *Farm To Home* anjuran Mutaiyas Group Of Companies berlangsung di Mutaiyas Cash & Carry Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Presiden Agro Malaysia, Datuk Sri G. Gnana Raja berkata, inisiatif tersebut memberi kemudahan kepada penduduk tempatan untuk mendapatkan sayur-sayuran dan buah-buahan organik dari ladang.

Pengerusi Kumpulan Syarikat Mutaiya, Vasudevan Mutaiya berkata, sempena sambutan Pesta Ponggal kali ini, penganut beragama Hindu sudah tentu mengambil peluang melalui

kemudahan menerusi program tersebut.

"Sambutan masyarakat Melayu dan Cina untuk membeli sayur-sayuran dan buah-buahan berkualiti dari ladang juga amat baik dan menggalakkan," katanya.

■ GNANA Raja (dua kanan) merasmikan pembukaan pusat jualan sayur-sayuran dan buah-buahan organik dari ladang sambil diperhati Vasudevan Mutaiya (dua dari kiri) di Mutaiyas Cash & Carry Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN

Murid tanam, jual sayur isi tabung kelas

JERANTUT: Seramai 11 Murid Berkeperluan Khas (MBK) kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Tembeling di sini berkebun dengan menanam sayur di dalam kawasan sekolah menerusi bimbingan guru mereka.

Kini, hasil tanaman diusahakan sejak musim tengkujuh penghujung Disember tahun lalu sudah mengeluarkan hasil dan dijual untuk mengisi tabung kelas PPKI sekolah berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Guru Besar SK Ulu Tembeling, Abd Manaf Mat berkata,

mengurus penjagaan seperti membaja dan menyiram air sehinggalah mengeluarkan hasil seterusnya memetik untuk dijual secara kecil-kecilan," katanya di Kampung Bantal, Ulu Tembeling dekat sini, semalam.

Menurutnya, tanaman seperti kacang panjang, bayam dan cili burung merupakan hasil usaha murid PPKI yang begitu rajin dan bersemangat apabila hasil mereka memperoleh wang untuk mengisi tabung kelas setelah dijual kepada pelanggan yang terdiri daripada guru, kaki tangan pejabat dan rakan sekolah.

Sementara itu, guru PPKI, Farhan Fidaiy Nasruddin, 25, berkata, apabila dilatih kemahiran berkebun semua murid PPKI sudah faham tanggungjawab masing-masing terhadap tanaman mereka sejak mula menanam benih, mengurus tanaman sehingga pokok sayur mengeluarkan hasil dan dipetik.

"Aktiviti berkebun merupakan hasrat jangka panjang khususnya bagi murid ini sekurang-kurangnya mereka mampu berdikari apabila dewasa nanti selain membantu menambah pendapatan keluarga di rumah," katanya.

Medac sedia bantu perluas tanaman jagung

JOHOR BAHRU - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) sedia bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi memperluaskan industri tanaman jagung untuk menampung keperluan makanan ternakan.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, antara usaha yang mungkin boleh dilaksanakan adalah dengan bekerjasama menyediakan tapak tanaman dengan kedua-dua kementerian memainkan peranan masing-masing.

“Bagi kita apa juga perancangan bersama Mafi, kita kena kerjasama seperti program koperasi pertanian yang dilakukan di masjid-masjid. Mereka juga ada maklumkan yang jabatan pertanian ada memberi sumbangan dan beri bimbingan.

“Jadi koperasi pertanian di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini sudah tentulah akan bekerjasama dan boleh jadi kita berkongsi modal bersama.

“Mungkin jabatan pertanian boleh berikan benih, dan kita (koperasi) boleh sediakan modal untuk membersihkan tanah (untuk aktiviti pertanian),” katanya pada sidang akhbar ketika lawatan rasmi di Koperasi Kariah Masjid Taman Impian Emas di sini pada Isnin.

Sebelum ini, media melaporkan Menteri Mafi, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memaklumkan pihaknya akan memperluaskan industri tanaman jagung dalam negara bagi menampung keperluan bahan makanan ternakan.

Ronald berkata, bagi tujuan itu pihaknya juga akan berbincang dengan beberapa pemain industri pelbagai subsektor ternakan dan makanan untuk mencari penyelesaian terbaik.

Dalam perkembangan lain, Noh berkata, pada tahun ini Medac juga menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus koperasi masjid boleh ditubuhkan.



Noh (tiga dari kanan) melihat hasil tanaman yang dulusahkan Koperasi Masjid Taman Impian Emas pada lawatan kerjanya di tapak tanaman Koperasi Masjid Taman Impian Emas, Johor Bahru pada Sabtu.

Telur bukan lagi lauk rakyat marhaen



ANALISIS
MUKA 16

ARNEY SYEMA ANUA

“Dahulu telur ayam boleh dibeli dengan harga RM7 atau RM8 sepapan, sekarang naik sehingga RM12 sepapan, malah ada peniaga mengenakan harga lebih mahal.”

Itulah antara rintihan kebanyakan rakyat Malaysia selepas berdepan kenaikan harga telur dan kesukaran mendapatkan bekalan di pasaran.

Bagi rakyat pendapatan rendah dan sederhana, telur adalah sumber protein paling murah. Telur goreng dinikmati bersama nasi dan kicap pun sudah cukup menyelerakan.

Bagi orang bujang, menu ‘nasi bajet’ berlaukan telur bersama sup kosong sudah cukup mengenyangkan, malah lauk itulah paling murah dijual di kedai makan ataupun restoran.

Jika harga terus meningkat, nampaknya telur bukan lagi menu rakyat marhaen, apatah lagi buat golongan fakir miskin. Apa lagi makanan boleh dinikmati golongan berkenaan sekiranya semua lauk-pauk bertukar menjadi harga kayangan?

Jika diperhatikan, lauk lain seperti ikan, daging dan *seafood* sudah lama naik harga. Ia hidangan golongan kayangan. Ikan termenung atau ikan kembung yang dahulunya sinonim dengan rakyat marhaen pun sudah mahal, dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram.

Harga udang dan ketam pun sama juga. Untuk saiz gred A, harga udang

boleh mencecah lebih RM50 sekilogram. Begitu juga harga daging tempatan, rata-rata peniaga menjualnya dengan harga melebihi RM30 sekilogram.

Itu belum lagi harga daging ‘harimau menangis’ (bahagian dalam paha belakang lembu) yang mencecah RM58 sekilogram, manakala daging batang pinang RM40 sekilogram.

Terkini, harga ayam dan telur turut mengalami peningkatan. Harga telur ayam kini dalam lingkungan RM10.50 hingga RM12.70 sepapan bagi telur gred B dan C, sementara telur ayam gred AA meningkat RM13.50 sehingga RM13.90 sepapan. Ayam standard pula dijual dengan harga RM8.90 sekilogram dan boleh mencecah sehingga RM20 seekor.

Harga sayur pun ikut sama mahal. Siapa yang ke pasar, pasti terkedu melihat harga cili yang mencanak naik hingga RM17 sekilogram.

Masih terngiang-ngiang kenyataan pak menteri suatu ketika dahulu – “kalau ayam naik harga, jangan makan ayam.”

Sekarang bukan sahaja ayam, semua barang pun mahal. Pendek kata, rakyat kini perlu mencatu duit untuk membeli makanan. Langkah kerajaan memberikan subsidi 60 sen setiap kilogram ayam hidup dan subsidi lima sen sebiji telur kepada pengeluar di peringkat ladang, mungkin sedikit sebanyak memberi kelegaan kepada penternak.

Bagaimanapun, pemberian subsidi itu bukanlah langkah konkrit bagi mengatasi kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam serta telur kerana ia hanya diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) bermula 5 Februari hingga 4 Jun ini.

Sampai bilakah rakyat akan di-

tenangkan dengan pengumuman yang bersifat sementara seperti ini tanpa adanya penyelesaian?

Isu kenaikan harga barangan dan makanan di Malaysia bukanlah perkara baharu, sebaliknya semakin membelenggu rakyat terutama dalam suasana sektor ekonomi baru sahaja dibuka semula selepas dua tahun terjejas akibat pandemik Covid-19.

Sepatutnya kerajaan dan pihak menterian mempunyai langkah lebih proaktif bagi menangani isu tersebut. Pihak berwajib harus bertindak pada peringkat pengeluaran dan bukannya hanya pada peringkat kawalan harga.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kedah, Datuk Mohd Zayad Md Ismail pernah mencadangkan model perniagaan baharu diperlukan bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang yang berpunca daripada manipulasi orang tengah dalam rantaian bekalan.

Beliau berkata, harga barang terus meningkat saban hari walaupun kerajaan menegaskan bahawa langkah menangani isu itu diambil melalui agensi-agensi tertentu.

Maka, amatlah penting kerajaan menerusi kementerian dan agensi terlibat melihatnya dari aspek yang menyeluruh, sekali gus mencari jalan keluar daripada isu yang makin membebankan rakyat.

Janganlah mengambil langkah mudah, menyuruh rakyat memahami isu kenaikan harga barang. Sebagai kerajaan, setiap menteri yang dilantik wajar mencari jalan memulihkan kesengsaraan rakyat. Tidaklah wajar rakyat terus dibebani kos sara hidup yang tinggi hingga terpaksa catu wang untuk mengisi perut, sedangkan pemimpin berada di zon selesa!

* Arney Syema Anua ialah Editor Pengisian Sinar Harian

Petani rosel kembali bertatih selepas Covid-19, bah

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@medianula.com.my

KLANG: Banjir besar yang melanda negeri ini tidak mematahkan semangat seorang petani untuk terus mengusahakan pertanian berasaskan pokok rosel walaupun terpaksa bermula dari awal sekali lagi selepas kawasan tanamannya di Kampung Johan Setia dilanda bah pada Disember lalu.

Malah, Siti Suraya Sharif, 38, mengibaratkan banjir luar biasa yang melanda itu sebagai dugaan selepas cuba kembali bertatih untuk bangkit daripada kesan sekatan ekonomi akibat Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Usahawan tani itu memberitahu, akibat banjir tempoh hari, dia mengalami kerugian hampir RM80,000 melibatkan isi rumah, peralatan memproses produk dan bahan-bahan pembangunan bangunan kilang.

"RM50,000 kerugian melibatkan kerosakan perabot, barang elektrik termasuk sebuah kereta. Alat memasak produk rosel dan nanas untuk diproses menjadi jus dan pati rosak kesemuanya bernilai RM20,000.

"Bahan-bahan seperti simen untuk pembinaan bangunan kilang sederhana luas bernilai RM10,000 rosak selepas tiga hari ditenggelami air," katanya ketika ditemui di Kampung Johan Setia dekat sini semalam.

Utusan Malaysia pada 19 Disember lalu melaporkan, kawasan Kampung Johan Setia dan beberapa kawasan di negeri ini ditenggelami banjir melebihi dua hari hingga menyebabkan kemusnahan harta benda dan nyawa manusia.

Banjir buruk tersebut difahamkan akibat taburan hujan yang tinggi disertai fenomena air pasang.

Siti Suraya berkata, dugaan itu tidak mematahkan sema-



Bahan-bahan seperti simen untuk pembinaan bangunan kilang sederhana luas bernilai RM10,000 rosak selepas tiga hari ditenggelami air."

SITI SURAYA SHARIF

ngatnya, malah terus berjuang dengan memulakan kembali pengeluaran produk rosel dalam skala kecil buat sementara waktu walaupun dibantu peralatan baharu yang terhad.

Sementara itu menurut rakan kongsinya, Farhana Nasrun, 35, dia berharap pihak berkuasa membenarkan pengeluaran caruman akaun satu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membantu usahawan seperti pertanya bangkit semula meneruskan pengeluaran produk rosel jenama Sorellicious.

"Kita faham ramal terkesan akibat banjir baru-baru ini. Kami pengusaha jus rosel hilang segalanya hingga memerlukan kami bermula daripada sifar.

"Harap pihak berkuasa memudahkan syarat bantuan untuk usahawan kembali bangkit dan kurangkan syarat-syarat yang merumitkan kami yang sedang berusaha untuk bangkit semula,"katanya.

Tinjauan di ladang rosel milik kedua usahawan wanita yang pernah menjadi Ikon Agro Selangor 2020 mendapati tanaman rosel berada dalam keadaan bantut akibat terendam lama dalam air banjir.



SITI Suraya Sharif (tengah) dan Farhana Nasrun (kanan) mengikat pokok rosel yang condong dilanda banjir besar baru-baru ini dekat kebun mereka di Kampung Johan Setia di Klang, Selangor. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

15/2/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30



KHAIROL FIKRI Mohamed Amim memberi makan ikan ternakannya di kolam yang diusahakan di atas tanah sawahnya di Sungai Manik. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Tanah sawah jadi kolam ikan

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mediamulla.com.my

PASIR SALAK: Masalah sistem perparitan dan pemotongan harga padi yang terlalu tinggi mendorong seorang pesawah di, Sungai Manik dekat sini menjadikan tanah sawahnya sebagai kolam ternakan ikan.

Khairul Fikri Mohamed Amim, 34, mengambil keputusan mengusahakan kolam ikan tilapia dan sepat sejak tiga bulan lalu di atas tanah sawah sendiri di Parit 4A, Sungai Manik.

Menurutnya, keputusan itu

disebabkan sistem perparitan yang menimbulkan masalah untuk air keluar daripada petak sawah selain potongan harga padi yang tinggi.

"Keadaan parit buang air dekat petak sawah saya semak, macam mana kami nak alirkan air keluar dari sawah?"

"Sistem pengairan yang tidak sempurna dan isu potongan harga padi yang tinggi mendorong saya menukar tanah sawah seluas dua petak kepada kolam ikan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Menurutnya, pesawah yang

mengusahakan sawah padi di sini enggan mengambil risiko untuk menanam padi disebabkan masalah air dalam di petak sawah yang tidak dapat disalurkan keluar.

Katanya, berikutan masalah itu, ada pesawah yang menanam pokok kelapa sawit namun dia memilih menernak ikan.

"Saya yakin ternak ikan sepat dan tilapia mampu memberikan hasil yang lebih baik kerana nelayan darat juga menghadapi masalah untuk menangkap ikan di sungai," katanya.

Mengenai ternakannya, Khairul Fikri berkata, buat permulaan

dia menernak 10,000 benih ikan tilapia dan 10,000 benih ikan sepat di kolam seluas 250 kaki panjang dan 30 kaki lebar.

Menurutnya, dia menernak tilapia dan sepat dalam dua sangkar berasingan.

"Saya memilih menernak dua jenis ikan ini kerana penjagaannya mudah dan permintaannya tinggi.

"Saya memerlukan khidmat nasihat daripada pihak yang berkenaan untuk memastikan hasil yang baik dan mengembangkannya lagi ternakan ikan ini," katanya.

Peniaga Cameron Highlands bimbang sekatan perjalanan

CAMERON HIGHLANDS: Peniaga di Cameron Highlands bimbang jika sekatan merentas daerah atau negeri dilaksanakan semula berikutan kes Covid-19 yang semakin meningkat.

Mereka khuatir perniagaan yang baharu hendak pulih kembali terjejas teruk seperti semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sebelum ini.

Pemilik perniagaan Siquiz Enterprise yang menjual strawberi, pakaian terpakai dan cenderamata, Mohd. Kazz Zakaria, 39, berkata, walaupun sudah beberapa bulan kembali beroperasi, perniagaannya masih belum mampu

menampung kerugian.

Menurutnya, sewaktu tempoh PKP, Cameron Highlands lengang, menyebabkan perniagaan tidak dapat dijalankan.

"Sewaktu PKP, memang terduduk jika fikirkan perniagaan. Saya terpaksa cari alternatif lain bagi memastikan strawberi boleh dijual. Kejadian tanah runtuh pada Disember tahun lalu menambahkan lagi kekusaran.

"Selepas kejadian tanah runtuh itu, jumlah pengunjung semakin kurang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Mohd. Kazz berharap kerajaan tidak melaksanakan sekatan yang

akan menjejaskan perniagaannya.

"Sekatan boleh menjejaskan perniagaan kerana sewaktu tempoh PKP, kami terpaksa menjualnya ke Lembah Klang tetapi strawberi hanya mampu bertahan selama tiga hari," katanya.

R. Sentharamai, 49, peniaga di Tanah Rata berkata, dia lega apabila dapat berniaga semula namun tetap bimbang jika pergerakan rentas negeri tidak dibenarkan.

"Perniagaan kami bergantung sepenuhnya kepada pelancongan. Sewaktu PKP, perniagaan tutup, kini hanya buka Jumaat, Sabtu dan Ahad tetapi sekarang pun pelanggan tak ramai," katanya.



AKTIVITI perniagaan agro di Cameron Highlands kembali rancak selepas PKP. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2022	NST	MUKA DEPAN	1

NEW
ESTABLISHED 1845
STRAITS TIMES

PP413/09/2012 (030687) | FEBRUARY 15, 2022 | TUESDAY | RM2.00

APP PIC



FARMERS CRY FOUL

POULTRY companies say price controls and rising costs are throttling the industry. The beleaguered producers warn of a shortage of chickens and eggs that could extend into the Hari Raya period.

» REPORT BY AYISY YUSOF & AZANIS SHAHILA AMAN ON PAGE 14

SUPPLY SHORTAGE WARNING

'WE'RE BARELY SCRATCHING OUT A LIVING'

Poultry players want govt to subsidise raw material costs, especially bran

AYISY YUSOF
AND AZANIS SHAHILA AMAN
KUALA LUMPUR
+ br@nst.com.my

LISTED poultry companies have warned that the latest prices of chicken and eggs, as set by the government, will severely affect industry players.

They claimed that many producers were already struggling to break even due to the rising production costs.

Raw materials, especially bran, have become costlier, having risen by between 30 and 40 per cent since early this year.

The government has placed chicken and eggs (Grades A, B and C) under the Maximum Price Control Scheme from Feb 5 until

June 5.

Leong Hup International Bhd group chief financial officer Chew Eng Loke said the price-control move would negatively affect the poultry industry.

"We expect many producers, especially the small and medium-sized farmers who make up the majority, to struggle to break even amid the elevated raw material and logistics costs," he told the *New Straits Times*.

Nevertheless, Chew said Leong Hup had the economies of scale to operate efficiently as it had farms nationwide.

"Leong Hup is geographically diversified across five countries in the region, with Malaysia contributing about 30 per cent to the group's total revenue."

"We have also been moving



Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia warns that some parts of the poultry industry, especially the small and medium-sized farms, may have to stop operating in the coming months due to the rising production costs. PIC BY AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

downstream by expanding The Bakers Cottage, our business-to-consumer channel, in Malaysia. This is in line with the group's strategy to enhance its 'Farm-to-Plate' business model."

An industry source said the move to regulate the ceiling prices for chicken and eggs was "unfair" and had taken a heavy toll on producers' earnings.

"The poultry industry is already being badly affected by the Covid-19 pandemic due to disruptions in the supply chain caused by closure of borders and movement restrictions."

"We (breeders) are faced with a limited supply of animal feed (bran) while also having to deal with higher product costs due to labour shortage."

The industry players have col-

lectively urged the government to expedite subsidising the purchase of bran to ensure a consistent supply of chickens and eggs in the country.

They also warned of the situation worsening, including during the Ramadan and Hari Raya period, if there were no government subsidies.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia said the industry was "shocked and disappointed" by the price-control move.

"With heavy pressure from export price controls on the broiler and egg industry, it is likely that some parts of the industry, especially the small and medium-sized farms, will have to stop operating in the coming months."

The sources said regional governments in such as Singapore and Thailand did not control the prices of chicken and eggs.

"It does not make sense for the government to control the prices. Nobody wants to do business if they operate at a loss."

"The government should let market forces to decide — that is unavoidable and happens globally," said a source.

Among key poultry players, Leong Hup and CAB Cakaran Corporation Bhd closed un-

changed at 55 sen and 51.5 sen, respectively, while OI Resources Bhd shed four sen to RM4.86 and Lay Hong Bhd slipped 1.5 sen to 24 sen yesterday.

CCK Consolidated Holdings Bhd and Teo Seng Capital Bhd declined one sen each to 88 sen and 80 sen, respectively.